

Tarikh dibaca: 13 APRIL 2018M | 26 REJAB 1439H

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar (Ahli)
Timbalan Pengarah (Operasi),
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. Ketua Penolong Pengarah, (Setiausaha)
Bahagian Pengurusan Masjid,
Jabatan Agama Islam Selangor**
- 4. SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 5. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 6. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)
Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
- 7. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)
Ketua Penolong Mufti (Fatwa),
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 8. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 9. Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran (Ahli)
Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
- 10. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
- 11. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
- 12. Hairol Azmi Bin Khairudin (Urus Setia)
Penolong Pengarah (Unit Khutbah)
Bahagian Pengurusan Masjid**



“PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا
مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا
حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ
أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kita kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga kita beroleh kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Isra' : 1



Khutbah yang ingin saya sampaikan pada hari ini bertajuk
"PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ".

Hadirin yang dirahmati Allah,

Sempena bulan Rejab yang mulia ini, marilah kita menghayati satu peristiwa besar dan bersejarah iaitu Israk dan Mikraj. Allah SWT telah memperjalankan hamba-Nya Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Baitul Maqdis di Palestin, kemudian naik ke langit sampai ke Sidratul Muntaha seterusnya ke suatu tempat bernama Mustawa untuk menerima satu perintah yang penting iaitu Ibadah Solat. Peristiwa ini dirakamkan dalam ayat pertama surah al-Isra' sepertimana dibaca pada permulaan khutbah ini yang bermaksud:

"Maha suci Allah yang telah menjalankan hamb-aNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haram (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui".

Peristiwa Israk yang menakjubkan ini ialah perjalanan dari Makkah ke Baitul Maqdis yang lazimnya dilakukan selama dua bulan iaitu pergi dan balik. Tetapi berlaku hanya pada satu malam dan menjelang waktu subuh sudah sampai semula ke Makkah.

Peristiwa agung ini telah diingkari oleh masyarakat Quraisy termasuklah orang-orang Islam yang lemah imannya tetapi telah diyakini oleh sahabat Nabi Abu Bakar sehingga beliau digelar "al-Siddiq" yang bererti membenarkan.



Peristiwa agung ini mengandungi iktibar dan keinsafan kepada umat Islam untuk meningkatkan iman serta mengambil beberapa pengajaran yang menggambarkan kebesaran Allah SWT.

Menurut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tabrani dan al-Bazzar, Nabi Muhammad SAW telah melalui penempatan beberapa kaum yang hidup mereka penuh dengan kemaksiatan. Antaranya mereka malas mendirikan solat, enggan membayar zakat, bergelumang dengan wang riba, suka mengumpat, menyebarkan fitnah, berzina, bersikap sombong dan mengkhianati janji. Ini menggambarkan betapa besarnya azab siksa yang akan menimpa umat Muhammad sekiranya melakukan maksiat dan derhaka kepada Allah.

Nabi SAW juga dibawa melihat ke suatu lembah yang nyaman dan dingin, anginnya membawa bau wangi harum semerbak bagai kasturi, serta kedengaran suara yang riang gembira. Apabila Rasulullah SAW bertanya, Jibril lantas menjawab itulah suara syurga yang merayu memohon agar Allah membalas apa-apa yang dijanjikan, walaupun mereka sedang menikmati berbagai-bagai nikmat syurga, namun syurga masih memohon lagi nikmat yang lebih besar sebagai ganjaran kepada yang beriman dan beramal soleh. Demikian balasan yang amat besar kepada umat Nabi Muhammad SAW yang taat perintah-Nya.

Selepas itu Jibril AS membawa Nabi ke suatu tempat, kedengaran suara bising dan udaranya berbau busuk. Jibril AS menyatakan, itu adalah suara neraka Jahannam yang menyeru agar ditambah lagi azab yang dijanjikan walaupun telah bertimbun padanya rantai, belunggu, api menjulang, air panas mendidih, tetapi neraka Jahannam masih memohon lagi azab dan seksa kepada mereka yang mensyirikkan Allah dan melakukan maksiat.



Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Menurut riwayat Anas Bin Malik, setelah Rasulullah SAW tiba di Baitul Maqdis dengan menaiki seekor haiwan bernama Buraq, baginda masuk ke dalam Masjid al-Aqsa dan salat dua rakaat. Menurut Ibnu Mas'ud Radialluhu Anhu pula, Jibril AS memimpin baginda ke hadapan untuk menjadi imam solat bersama Para Rasul, Ini merupakan petunjuk bahawa Nabi Muhammad SAW datang membawa syariat dan secara tidak langsung menamatkan syariat rasul-rasul terdahulu.

Dalam perjalanan mikraj Nabi Muhammad SAW membuat kunjungan hormat kepada Nabi Adam AS sebagai bapa kepada seluruh umat manusia, ini memberi pengajaran kepada kita, apabila bermusafir jauh atau membuat sesuatu tugas besar, perlulah lebih dahulu menemui ibubapa atau ahli keluarga yang tua untuk memohon doa daripada mereka agar dapat melaksanakan tugas dengan baik dan selamat. Seterusnya melakukan kunjungan kepada rasul-rasul yang lain sehingga langit ke tujuh.

Menurut Tafsir al-Maraghiy, sesungguhnya pada peristiwa ini terdapat suatu pengertian yang menunjukkan bahawa semua Para Rasul walaupun berlainan keturunan, zaman, bahasa dan budaya, namun mereka hormat-menghormati antara satu sama lain. Perbuatan ini patut diambil aktibar oleh umat Muhammad agar sentiasa menjalin persaudaraan, berkasih sayang, saling menghormati antara satu dengan lain, jauhi daripada perkara yang boleh menimbulkan perpecahan dan perbalahan sesama sendiri.

Peristiwa selanjutnya datang pula malaikat Jibril AS membawa dua jenis minuman, arak dan susu. Maka Nabi SW memilih susu. Jibril AS menyatakan bahawa Nabi telah memilih fitrahnya. Susu melambangkan



kesucian. Ada pun arak adalah pokok segala kejahatan. Allah melaknat peminum arak, penjual, pemberi, pembawa, peniaga atau sebagainya.

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Kemuncak daripada peristiwa Israk dan Mikraj, Allah SWT memfardhukan ibadat solat 50 waktu sehari semalam. Tetapi setelah rayuan dibuat akhirnya Allah memperkenankan solat hanya 5 waktu sahaja, namun ganjarannya sama dengan 50 waktu.

Solat adalah ibadat utama yang diibaratkan seperti tiang dalam sesebuah bangunan. Hadis daripada Umar Bin al-Khattab Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّلَاةُ عِمَادُ الدِّينِ فَمَنْ أَقَامَهَا فَقَدْ أَقَامَ
الدِّينَ وَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ هَدَمَ الدِّينَ

"Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikan bermakna ia mendirikan agama, sebaliknya mereka yang meninggalkannya seolah-olah meruntuhkan agama".

(Riwayat al-Baihaqi).

Solat merupakan perhubungan kita dengan Allah SWT. Dengan sebab itu sewajarnya solat dilakukan dengan sempurna, menumpukan sepenuh perhatian kepada zat Allah SWT semata-mata.

Menurut Doktor Abdul Halim Mahmud dalam kitabnya al-Israk wal Mikraj menyatakan pengajaran daripada Israk Mikraj antaranya Nabi Muhammad SAW adalah sebagai penutup rangkaian cahaya yang dikirim Allah ke alam ini supaya umatnya yang beriman diangkat darjat mereka. Nabi Muhammad



juga dipilih oleh Allah sebagai manusia yang paling hampir dengan-Nya. Sepertimana dalam surah an-Najm ayat 9:

فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَىٰ

"Sehingga menjadilah jarak (di antara-Nya dengan Nabi Muhammad) sekadar dua hujung busaran panah, atau lebih dekat lagi".

Muslimin hadirin Jumaat sekalian,

Selepas berlakunya peristiwa Israk dan Mikraj itu, Rasulullah SAW bertambah gigih menjalankan dakwahnya, walaupun berhadapan dengan berbagai rintangan dan cabaran daripada musuh-musuh disekelilingnya, namun baginda tetap tabah untuk meneruskan dakwah diseluruh semenanjung tanah Arab. Ini memberi iktibar kepada kita bahawa dalam melaksanakan kerja-kerja kebajikan mestilah dengan semangat juang yang tinggi penuh dedikasi dan bertanggungjawab serta sedia menghadapi apa jua cabaran dan dugaan.

Hadirin sidang Jumaat sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, marilah kita renung dan hayati beberapa saranan berikut;

1. Umat Islam hendaklah beriman dan meyakini tentang wujudnya kejadian Israk dan Mikraj kepada Nabi Muhammad SAW..
2. Umat Islam hendaklah memperingati kisah Israk dan Mikraj ini dengan mengkaji, mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa tersebut.



3. Umat Islam hendaklah memastikan diri dan keluarga tidak mengabaikan solat lima waktu, walau di mana sahaja kita berada untuk menjamin kejayaan di dunia dan akhirat.
4. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa setiap perbuatan yang baik akan dimasukkan ke dalam syurga dan pelanggaran perintah Allah akan menerima pembalasannya di dalam neraka.
5. Umat Islam diingatkan supaya istiqamah dalam melaksanakan kebajikan dan amal soleh untuk mendapat ganjaran Allah di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾ عِنْدَهَا
جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ ﴿١٥﴾

"Dan demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, dalam bentuk rupanya yang asal) sekali lagi, Di sisi "Sidratul-Muntaha", yang di sisinya terletak syurga "Jannatul-Makwa".

(al-Najm ; 13-15).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Majid/Nurul
06.04.2018



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزِّ
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج،
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،



وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعْكُو
أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا، مُصْلِحِيْنَ
لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ
تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
